

Dr M dan Lima sukar dipisah

BH 31/10/2003 - 8 PRECISE

Oleh Wan Jailani Razak

APABILA kita berbicara mengenai Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima), nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pasti dikaitkan.

Ini kerana Lima dan Perdana Menteri begitu sinonim. Tidak hairanlah jika setiap perkembangan serta kejayaan pameran itu sering dikaitkan dengan visi serta kepimpinan beliau. Malah, idea Lima yang dicetuskan beliau kini menjadi antara agenda penting bagi pengeluar produk aeroangkasa dan maritim antarabangsa untuk mencari pasaran, khususnya bagi rantau Asia Pasifik.

Kesungguhan Perdana Menteri terhadap Lima jelas apabila beliau singgah untuk melihat produk setiap pempamer sambil meluangkan masa menerima kunjungan hormat daripada pelbagai pihak pada setiap kali pameran itu diadakan.

Atas kesungguhannya dan kerajaan pimpinannya, bukan hanya Lima berjaya, malah Langkawi turut membangun melampaui jangkauan, sekali gus memadam keraguan banyak pihak mengenai cadangan menganjurkan Lima buat pertama kali pada 1991 berikutan pulau itu yang serba kekurangan.

Sejak itu, Lima bukan saja berjaya membuktikan keupayaan Malaysia menganjurkan pameran pesawat dan kapal bertaraf antarabangsa, malah mempertemukan pemimpin negara, tentera, pengeluar pesawat dan kapal dari seluruh dunia, khususnya dari rantau ini selain menarik lebih ramai pelancong mengunjungi negara ini.

Lima '03 yang disertai lebih 600 syarikat dan lebih 100 pesawat serta 80 kapal dari 25 negara adalah yang kedua terbesar selepas Lima '99. Kejayaan ini amat membanggakan kerana ia berlangsung ketika keadaan keselamatan serantau belum pulih sepenuhnya daripada ancaman keganasan dan kesan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), tahun lalu.

Selain memberi peluang kepada pengeluar pesawat dan kapal memamerkan teknologi terkini dan membuktikan kemampuan, Lima juga landasan sesuai bagi syarikat berkenaan mempromosi produk masing-masing. Dengan status rantau Asia Pasifik sebagai pasaran kedua terbesar di dunia bagi produk aeroangkasa dan maritim, selain unjuran jumlah pasaran eksport pertahanan Asia yang dijangka mencecah AS\$70 bilion (RM266 bilion) antara 2002 hingga 2006, pameran mampu memberi pulangan lumayan kepada semua pihak.

Atas usaha beliau juga Langkawi melakar sejarah baru apabila pulau itu dijadikan Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa. Kemudahan itu perlu kerana banyak kapal layar di rantau ini, termasuk yang dimiliki rakyat negara ini, didaftarkan di negara Hindia Barat, Caribbean dan United Kingdom.

Bagi mengenang jasa beliau, sebuah buku kompilasi bergambar *The Wings of An Eagle* karya bekas Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk A Kadir Jasin, dilancarkan pada hari terakhir Lima edisi ketujuh, 5 Oktober lalu.

Buku setebal 206 halaman terbitan Mutiara Grafik (M) Sdn Bhd (Mutiara Grafik) itu memaparkan keinginan, kaedah dan komitmen Dr Mahathir dalam memajukan Langkawi daripada sebuah pulau nelayan kepada sebuah pulau peranginan terkenal di seluruh dunia.



PERTUMBUHAN yang dicapai Malaysia itu adalah hasil dasar yang dilaksanakan kerajaan dalam menangani krisis kewangan Asia pada 1997/1998.

Ia termasuk kawalan modal berpilih dan penetapan nilai ringgit kepada dolar Amerika Syarikat (AS) serta pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi. Ekonomi Malaysia sudah bergerak lebih pantas berbanding negara lain. Prospek pertumbuhan ekonominya disokong kemajuan pembaharuan sektor kewangan dan korporat.

Pengarah Urusan IMF,
Dr Horst Kohler

LANGKAH Malaysia memperkenalkan dasar kawalan secara berpilih bagi memulihkan ekonomi yang sebelum ini dikritik kini mendapat pujian. Pelbagai langkah yang diambil Malaysia berjaya memulihkan ekonomi negara ini.

Presiden Bank Dunia,
James D Wolfensohn